

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan jumlah penyumbangan petroleum dan gas Sarawak dalam ekonomi Malaysia. Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan memastikan Sarawak boleh menikmati hasil petroleum dan gasnya supaya pembangunan dalam negeri Sarawak boleh setaraf seperti di Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Sosioekonomi Negeri Sarawak 2018 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2018 negeri Sarawak telah menyumbang sebanyak RM132.7 bilion ataupun 9.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia yang bernilai RM1,361.5 bilion.
2. Daripada jumlah ini pula, sektor perlombongan dan pengkuarian negeri Sarawak menyumbang RM29.5 bilion kepada KDNK negeri Sarawak, Oleh yang demikian, sektor perlombongan dan pengkuarian negeri Sarawak, yang majoritinya terdiri daripada minyak dan gas menyumbang 2.2% daripada KDNK keseluruhan negara.

3. Setakat ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pembangunan yang saksama dan inklusif untuk negeri Sarawak. Ini termasuklah melalui peningkatan jumlah projek dan peruntukan yang disalurkan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sarawak seperti berikut:

- (i) Tahun 2017: 492 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM39.414 billion diluluskan;
- (ii) Tahun 2018: 526 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM40.506 billion; dan
- (iii) Tahun 2019: 563 projek telah diluluskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM41.344 billion.

Sekian, terima kasih.